

Pembudayaan Positif di Sekolah dalam Mencegah Remaja daripada Berpacaran

Positive Culture at School in Preventing Teenagers from Coupling

Nur Khairunnisa Hodzori¹, Latifah Abdul Majid², Wan Nasyrudin Wan Abdullah³

¹Jabatan Pengajian al-Quran & al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia;

²Jabatan Pengajian al-Quran & al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia;

³Jabatan Pengajian al-Quran & al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia;

Article progress

Accepted: 25 September 2019

Reviewed: 21 November 2019

Published: 31 Mei 2020

*Corresponding author:

Nur Khairunnisa Hodzori,

Name¹Jabatan Pengajian al-Quran & al-Sunnah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia, Selangor, Malaysia;

Email:

nurkhairunnisahodzori69@gmail.com

Abstrak: Berpacaran menurut Kamus Dewan edisi keempat (2005) adalah perbuatan menjalin hubungan cinta atau kasih dengan teman lelaki atau teman wanita. Pelbagai masalah sosial seperti seks bebas, lari daripada rumah, hamil tanpa nikah dan pengguguran janin timbul akibat pengaruh aktiviti berpacaran dalam kalangan remaja. Perkara ini menunjukkan keruntuhan akhlak dalam kalangan remaja semakin berleluasa. Objektif kajian ini adalah untuk menjelaskan peranan pembudayaan positif di sekolah dalam membentuk akhlak remaja supaya menjauhkan diri daripada terlibat perbuatan berpacaran. Kajian ini berbentuk analisis kandungan berdasarkan kajian-kajian dan penyelidikan terdahulu menerusi jurnal, prosiding dan disertasi yang berkaitan dengan perbincangan. Hasil kajian mendapati senario berpacaran yang tidak terkawal dalam kalangan remaja merupakan antara faktor peningkatan masalah sosial di Malaysia. Sekolah memainkan peranan penting dalam membina keunggulan akhlak remaja. Hal ini demikian kerana sekolah adalah institusi yang sesuai untuk melaksanakan pelbagai program. Penekanan mengenai penghayatan akhlak perlu diterapkan secara berterusan supaya golongan remaja berupaya membuat keputusan berdasarkan batasan agama agar dapat menghindar diri daripada terlibat dengan aktiviti berpacaran. Oleh itu, pelaksanaan pembudayaan positif di sekolah berbentuk program usrah dan pelaksanaan kaunseling menggunakan kaunseling Islam yang boleh dikategorikan sebagai kurikulum tersembunyi berupaya memberikan pendidikan dalam membentuk akhlak remaja berpacaran.

Kata Kunci: Berpacaran; Remaja; Akhlak; Pembudayaan Positif; Usrah; Kaunseling Islam

Abstract: Coupling can be defined as a romantic relationship or affection that occurs between a man and a woman. A great range of social problems such as premarital sex, running away from home, unwanted pregnancy, and abortion have arisen from the impact of coupling activities among teenagers. This indicates that the moral values and ethics among teenagers are declining. Therefore, the objective of this study is to unfold the role of positive culture at school in shaping the moral of teenagers to avoid coupling. The method of this research is by analyzing analysis of the past studies

through journals, proceedings, and thesis related to this matter. The outcome of the findings shows that uncontrolled relationship among teenagers is the reason for increasing social problems in Malaysia. School plays an important role in developing ethical values among teenagers as it is the best platform to organize various activities. Positive values must be emphasized continuously to teenagers hence they can decide on line with the religion's teaching. Therefore, the implementation of positive culture by having usrah and Islamic counseling can be incorporated as an informal curriculum in school to educate and develop moral values among teenagers.

Keywords: Couple; Teenagers; Moral; Positive Culture; Usrah; Islamic Counselling

Pengenalan

Berpacaran sebelum nikah adalah suatu perbuatan yang bercanggah dengan nilai Islam dan norma masyarakat Melayu. Perbuatan berpacaran yang dicetuskan oleh Barat jelas kelihatan meresap dalam kehidupan masyarakat Islam di Malaysia. Aktiviti berpacaran menyebabkan peningkatan masalah pergaulan bebas dan pengabaian terhadap nilai-nilai Islam. Golongan remaja tidak terkecuali terlibat dalam isu ini. Berpacaran sebelum nikah dalam kalangan remaja sukar dibendung. Buktinya, remaja berpacaran sering melakukan aktiviti duduk berdua-duaan di tempat awam, berjumpa pada hari minggu dan berdua-duaan di tempat sunyi.

Schutt-Aine & Maddaleno (2003) menjelaskan remaja mengalami perubahan daripada aspek psikologi di mana wujud perasaan berahi, keinginan seksual dan tertarik kepada individu berlainan jantina. Mohamad Faizal Mohammad & Mohd Zaki Ishak (2014) menukilkan pandangan profesor psikologi University of New Brunswick, Dr. Lucia O'Sullivan yang menyatakan perasaan tertarik kepada individu berlainan jantina bermula di peringkat awal usia remaja dan perasaan ini mewujudkan keinginan untuk berpacaran. Kajian ini disokong oleh Zulaiha Ali Othman et al. (2016) yang menyatakan remaja lelaki dan perempuan mula tertarik antara satu sama lain apabila menginjak usia 14 hingga 15 tahun dan berasa selesa untuk bercinta pada usia 16 tahun ke atas.

Berpacaran ketika masih di bangku sekolah sudah menjadi *trend* dalam kalangan remaja. Kegagalan menangani percintaan menyebabkan remaja terjebak pelbagai masalah sosial berpunca daripada perbuatan berpacaran. Menurut Syaidatun Nazirah Abu Zahrin, et al. (2016), kebanyakan masalah sosial yang berlaku dalam kalangan remaja adalah disebabkan perbuatan berpacaran sebelum nikah. Sikap berpacaran secara melulu tanpa dapat membezakan perkara yang dibolehkan atau tidak dibolehkan semasa bercinta menjadi salah satu punca peningkatan gejala sosial di

Malaysia (Zulaiha Ali Othman, et. al, 2016). Jelaslah bahawa berpacaran sebelum nikah merupakan antara faktor yang mendorong kepada peningkatan keruntuhan akhlak remaja. Hal ini adalah kerana individu yang terlalu obsesif semasa bercinta sanggup melakukan pelbagai perkara untuk mendapatkan kasih sayang dan perhatian kekasih.

Faktor berpacaran dalam kalangan remaja dikategorikan kepada faktor luaran dan faktor dalaman. Faktor luaran adalah faktor persekitaran yang memberikan pengaruh kepada remaja untuk berpacaran manakala faktor dalaman menjurus kepada keinginan untuk berpacaran. Namun demikian, Zulaiha Ali Othman, et al. (2016) menyatakan faktor dalaman adalah faktor terbesar remaja berpacaran. Memiliki pengetahuan dan akhlak unggul amat penting dalam membendung keinginan untuk berpacaran. (Zulaiha Ali Othman, et al. 2016; Syaidatun Nazirah Abu Zahrin, et al. 2016). Dapatan kajian 'Remaja Bercinta: Kajian Terhadap Tiga Jenis Sekolah Menengah Kebangsaan, Agama Dan Swasta' oleh Zulaiha Ali Othman, et al. (2016) menunjukkan sekolah menengah agama swasta mempunyai paling rendah peratusan remaja bercinta (<10%) berbanding sekolah menengah agama (50%) dan sekolah menengah kebangsaan (80%). Jelaslah bahawa suasana yang diterapkan pihak sekolah berupaya mencegah golongan remaja daripada terlibat dengan perbuatan berpacaran.

Bagaimana Sekolah Membentuk Akhlak Remaja Berpacaran

Pendidikan dan persekolahan berperanan menonjolkan nilai-nilai mulia dalam kalangan remaja dengan mewujudkan persekitaran dan suasana berlandaskan kepada al-Quran dan hadis (Mohamad Khairi Othman & Asmawati Suhid 2010). Aspek persekitaran dan budaya sekolah merangkumi seluruh persekitaran diri pelajar di sekolah. Keadaan persekitaran sekolah mampu memberi kesan kepada pembentukan akhlak remaja (Mohamad Khairi Othman & Asmawati

2010). Penerapan akhlak di peringkat sekolah mampu membentuk remaja berperibadi mulia dan unggul.

Menurut Zainal Madon & Mohd Sharani Ahmad (2004), pengaruh persekitaran sekolah antara faktor berlaku peningkatan keruntuhan akhlak remaja. Penerapan akhlak di sekolah merangkumi aspek emosional, intelektual, spiritual dan aplikasi dalam kehidupan seharian berperanan mencegah golongan remaja daripada berpacaran.

Pembentukan individu berakhlak mulia merupakan salah satu elemen penting dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Hal ini menunjukkan bahawa peranan pihak sekolah lebih berkesan dalam membentuk faktor dalaman diri remaja (Mohamad Khairi Othman & Asmawati Suhid 2010). Pada waktu yang sama, perkara ini turut memberi kesan dalam membina akhlak remaja kerana faktor dalaman merupakan faktor terbesar berlakunya senario berpacaran dalam kalangan remaja (Zulaiha Ali Othman et al., 2016). Firman Allah SWT dalam surah al-Isra' ayat 32 mafhumnya adalah "dan janganlah kamu menghampiri zina, sesungguhnya zina itu adalah satu perbuatan yang keji dan suatu jalan yang buruk". Maksud ayat ini jelas menunjukkan semua perantara yang membawa kepada perbuatan zina adalah haram. Wan Ramizah Hassan & Azizah Mat Rashid (2016) menyatakan perbuatan berpacaran sebelum mendirikan rumah tangga merupakan jalan yang boleh mendorong seseorang kepada zina.

Jelaslah bahawa usaha untuk melahirkan remaja berakhlak mulia adalah dengan mewujudkan pembudayaan positif di sekolah. Perkara ini perlu dilakukan dengan merangka dan melaksanakan aktiviti yang mampu meningkatkan kekuatan dalaman diri remaja seperti memberikan pendedahan secara menyeluruh mengenai batas-batas akhlak antara lelaki dengan wanita ajnabi agar masalah yang boleh menimbulkan bibit-bibit berpacaran berjaya dikawal sebaik mungkin kerana perbuatan berpacaran berpotensi menghampiri zina.

Pembudayaan Positif di Sekolah

Pembentukan dan didikan akhlak melalui pembudayaan positif adalah aspek penting dalam membentuk akhlak remaja. Pembudayaan positif merujuk kepada proses atau cara membudayakan nilai-nilai baik yang diterapkan kepada individu agar berakhlak mulia. Zakaria Stapa, et al. (2012) menyatakan persekitaran yang baik mampu melahirkan insan yang berakhlak mulia. Justeru, pembudayaan positif di sekolah bukan sesuatu yang boleh dipandang enteng sebelah mata kerana ia berperanan mewujudkan impak positif dalam membentuk sahsiah remaja.

Strategi Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) dan Sekolah Menengah Agama Swasta

(SMAS) melaksanakan pembudayaan positif memberi kesan baik dalam pembentukan akhlak pelajar (Mohamad Khairi Othman & Asmawati Suhid, 2010; Syaidatun Nazirah Abu Zahrin, et al. 2016; Norhisham Muhamad, 2018). Pembudayaan positif mampu mempengaruhi akhlak remaja berpacaran kerana program kerohanian yang dilaksanakan di sekolah memberi kesan kepada penghayatan akhlak remaja (Norhisham Muhamad, 2018).

Mewujudkan pembudayaan positif di sekolah seperti suasana persekitaran dan program-program di sekolah memberikan pengaruh yang sangat besar dalam membentuk akhlak remaja. Menurut Norhisham Muhamad (2018), penghayatan akhlak remaja dipengaruhi oleh program yang dilaksanakan di sekolah. Muhammad Faizal A. Ghani et al. (2013); Syaidatun Nazirah Abu Zahrin, et al. (2016) menjelaskan kategori sekolah yang dihadiri mampu membentuk akhlak remaja dalam memahami cinta. Ini kerana kerana kategori sekolah yang berbeza aliran mewujudkan budaya persekitaran sekolah yang berbeza. Persekitaran sekolah yang mengamalkan nilai-nilai Islam dan mewujudkan garis panduan batasan pergaulan antara lelaki dan wanita berdasarkan syariat Islam membantu pelajar dalam mengawal keinginan untuk berpacaran. Pernyataan ini dikuatkan dengan penjelasan Syaidatun Nazirah Abu Zahrin, et al. (2016) bahawa persekitaran yang membudayakan nilai positif dapat membantu remaja mengawal diri daripada bercinta atau terlibat dalam salah laku hasil daripada percintaan yang terjalin.

Hal ini menunjukkan pembudayaan positif berupaya membantu remaja dalam pembentukan akhlak serta mencegah remaja daripada berpacaran dan dapat mengurangkan peratusan remaja berpacaran. Pembudayaan positif boleh dijadikan sebagai alternatif formal atau tidak formal dalam memberikan pendidikan kepada remaja. Proses memberikan pendidikan kepada golongan remaja dapat dilaksanakan dengan cara mewujudkan program usrah di sekolah dan pelaksanaan kaunseling yang mengaplikasikan kaedah Islam berasaskan al-Quran dan sunnah.

Program Usrah

Pelaksanaan program berkumpulan melalui ikatan usrah atau keluarga terdiri daripada bilangan ahli dalam kuantiti kecil yang menjalankan aktiviti perbincangan dan mencari solusi sesuatu isu atau tajuk. Dalam pada itu, ahli usrah diberi kebebasan dalam menyatakan pandangan dan berkongsi masalah yang dihadapi (Mohd Said Muhammad Nordin, et al. 2011; Norsaadah Din et al. 2015). Aktiviti ini adalah satu bentuk kegiatan paling utama yang perlu digerakkan di sekolah kerana peningkatan akhlak secara sistematik boleh diperoleh apabila terlibat dengan aktiviti usrah (Mohd Said

Muhammad Nordin et al. 2011). Norafidah Gordani & Abdul Ghafar Don (2017) menyatakan sukatan usrah memberi penekanan terhadap tauhid, ibadah, akhlak dan sirah adalah untuk menangani masalah keruntuhan akhlak dan isu gejala sosial yang semakin meruncing dalam kalangan pelajar. Oleh itu, pelaksanaan program usrah di sekolah adalah salah satu cara meningkatkan kekuatan dalaman remaja bagi mengawal diri daripada terlibat dengan perbuatan berpacaran dan seterusnya menjauhkan diri daripada terlibat dengan masalah sosial yang berpunca daripada perbuatan berpacaran.

Menurut Zulaiha Ali Othman et al. (2016); Norafidah Gordani & Abdul Ghafar Don (2017), pelaksanaan aktiviti usrah di sekolah-sekolah agama kerajaan dan swasta merupakan platform utama dalam membentuk akhlak remaja kerana ia memberikan pengaruh pada sikap remaja. Sukatan usrah berkaitan akhlak melibatkan pergaulan berlainan jantina perlu ditekankan kepada remaja yang telah terjebak dengan perbuatan berpacaran sebagai intervensi untuk memberikan kesedaran kepada mereka tentang kepentingan menjaga batasan. Sukatan usrah yang menekankan tentang kepentingan menjaga tingkah laku apabila berhadapan dengan individu berlainan jantina dan memandang tinggi terhadap maruah diri, keluarga serta agama berupaya meningkatkan kekuatan dalaman remaja secara sistematik bagi menjauhi perbuatan berpacaran dan memberikan kesedaran dan pemulihan kepada remaja yang terlibat dengan perbuatan tersebut.

Jelaslah bahawa aktiviti usrah adalah salah satu proses mewujudkan pembudayaan positif dalam kalangan remaja. Pelaksanaan program usrah mampu meningkatkan kekuatan dalaman iaitu akhlak dan jati diri remaja. Hal ini menunjukkan bahawa pelaksanaan usrah di sekolah berupaya mempengaruhi akhlak remaja agar tidak terlibat dengan perbuatan berpacaran. Tambahan pula, pengisian usrah sangat memberi penekanan terhadap kepentingan berakhlak mulia. Penerapan akhlak Islam bersandarkan al- Quran dan hadis dapat mengukuhkan jati diri serta mencegah remaja daripada terjebak dengan budaya berpacaran yang telah menjadi suatu fenomena di Malaysia (Wan Ramizah Hasan & Azizah Mat Rashid 2016).

Kaunseling Islam

Sikap obsesif terhadap kekasih boleh menghasilkan tindakan tidak rasional sehingga timbul pelbagai masalah sosial akibat daripada perbuatan berpacaran (Syaidatun Nazirah Abu Zahrin, et al. 2016). Menurut Juliana Irmayanti Saragih & Irmawati (2005), remaja bercinta mengalami beberapa emosi dan menunjukkan tingkah laku khusus yang tidak pernah diperlihatkan kepada orang lain bagi menunjukkan rasa cinta kepada pasangan. Oleh itu, pelaksanaan kaunseling

di peringkat sekolah adalah antara langkah pencegahan yang sesuai dalam menangani masalah keruntuhan akhlak, emosi dan mental remaja (Othman Md Johan & Norazmah Mohamad Roslan, 2011).

Roslee Ahmad, et al. (2008); Mohd Khir Johari Abas (2018) menyatakan pendekatan Islam sangat diperlukan dalam kaunseling kerana proses intervensi kaunseling Islam menitik beratkan elemen hati, akal, roh dan nafsu manakala kaunseling Barat hanya memberikan penumpuan kepada aspek kognitif dan tingkah laku. Kaedah ini adalah bersesuaian digunakan kepada golongan remaja yang tidak terjebak atau telah terlibat dengan perbuatan berpacaran kerana elemen-elemen yang diterapkan di dalam kaunseling Islam berupaya mencegah dan memberikan kesedaran kepada golongan remaja berkaitan keburukan berpacaran. Pernyataan ini dikuatkan dengan penjelasan Nurul Badriyah Ali, et al. (2016) bahawa golongan remaja memiliki keberangkalian mengalami gangguan emosi yang hebat apabila percintaan putus di tengah jalan. Salah faham tentang cinta juga boleh mengakibatkan masalah gangguan mental.

Roslee Ahmad et al. (2008) menjelaskan pendekatan kaunseling yang diaplikasikan sekolah-sekolah di Malaysia yang berasaskan amalan kaunseling Amerika Syarikat seperti Pendekatan Rasional Emosi Tingkah Laku (*Rational Emotive Behavior Therapy*) oleh Albert Ellis dan Teori Pemusatan Klien oleh Karl Rogers didapati kurang berkesan dalam menangani masalah kerohanian khususnya tingkah laku seksual dalam kalangan pelajar Muslim. Cinta mempengaruhi hati, akal dan nafsu (Zulaiha Ali Othman, et al. 2016). Kegagalan menguruskan akal dan nafsu mengakibatkan peningkatan masalah seks bebas dalam kalangan remaja.

Permasalahan yang berkait dengan masalah kerohanian khususnya tingkah laku seksual seperti seks bebas dan melakukan perkara-perkara yang menghampiri zina seperti berpelukan dan bercumbu perlu ditangani menggunakan pendekatan kaunseling Islam. Ini kerana kaedah pemulihan yang digunakan dalam kaunseling Islam adalah pelbagai iaitu memperbetulkan persepsi dan kefahaman, kaedah pendidikan (*tarbiyah*), doa, zikir, sabar dan amal kebajikan (Roslee Ahmad et al. 2008).

Pendekatan dalam kaunseling Islam mampu memberikan kesedaran serta membentuk penghayatan agama dan akhlak remaja bercinta. Elemen-elemen yang diterapkan berupaya mempengaruhi tindakan dan cara berfikir remaja berpacaran. Selain itu, pendekatan yang diaplikasikan dalam kaunseling Islam mampu memberikan kesedaran serta membentuk penghayatan agama dan akhlak remaja secara umum dan khusus kepada remaja yang telah terjebak dengan perbuatan berpacaran.

Kesimpulan

Kegagalan memelihara akhlak semasa berpacaran mengakibatkan golongan remaja cenderung untuk terlibat dengan tingkah laku negatif. Oleh itu, pihak sekolah memainkan peranan yang besar dalam membantu pembentukan faktor dalaman remaja dan memberi perhatian secara berterusan. Pembudayaan positif yang dipraktikkan di sekolah berupaya mengukuhkan kekuatan dalaman dan membentuk akhlak, emosi dan mental remaja bercinta serta berfungsi sebagai modul bagi mengurangkan peratusan peningkatan masalah sosial dalam kalangan remaja. Hal ini menunjukkan penghayatan akhlak penting dalam membendung keinginan remaja untuk berpacaran. Penulisan ini mencadangkan supaya lebih banyak kajian dilakukan berkaitan kesesuaian sukatan usrah dan keberkesanan kaunseling Islam sebagai suatu pendekatan yang berpotensi dalam usaha mencegah dan pemulihan kepada golongan remaja yang terlibat dalam berpacaran.

Rujukan

- Kamus Dewan (Edisi Keempat)*. (2005). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Juliana Irmayanti Saragih & Irmawati. (2005). Fenomena Jatuh Cinta Pada Mahasiswi. *Jurnal Psikologia*, 1(1), 48-55.
- Mohamad Faizal Mohammad & Mohd Zaki Ishak. (2014, Januari). *Gejala Hubungan Seks Dalam Kalangan Pelajar: Satu Kajian Kes*. Kertas Kerja Seminar Kebangsaan Integriti Keluarga 2014. Sabah, Fakulti Psikologi dan Pendidikan, Universiti Malaysia Sabah.
- Mohamad Khairi Othman & Asmawati Suhid. (2010). Peranan Sekolah Dan Guru dalam Pembangunan Nilai Pelajar Menerusi Penerapan Nilai Murni: Satu Sorotan. *MALIM-SEA Journal of General Studies*, 11(1), 117-130.
- Mohd Khir Johari Abas. (2018). Faktor Perkembangan Kaunseling Islam Di Malaysia Satu Kajian. *Attarbawiy: Jurnal Pendidikan Malaysia*, 2(2), 29-35.
- Mohd Said Muhammad Nordin, Jamil Ahmad dan Ab Halim Tamuri. (2011, November). Pelaksanaan Program Usrah Badar Di Sekolah Menengah Kebangsaan Agama (SMKA) Sheikh Haji Mohd Said. *Prosiding Nadwah Ulama Nusantara IV: Ulama Pemacu Transformasi Negara*. Universiti Kebangsaan Malaysia, Bangi.
- Muhammad Faizal A. Ghani, Saedah Siraj, Radzuan Kassim, Husaina Banu Kenayathulla, Shahril @ Charil Marzuki dan Faisol Elham. (2013). Amalan Sekolah Cemerlang Di Sekolah Berasrama Penuh Dan Sekolah Menengah Kebangsaan Agama: Satu Perbandingan. *The Online Journal of Islamic Education*, 1(2), 30-47.
- Norafidah Gordani & Abdul Ghafar Don. (2017). Sukatan Usrah Dalam Membentuk Akhlak Mulia: Kajian Di Maahad Tahfiz Wal Tarbiyyah Darul Iman (Satu Dapatan Awal). *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 4(1), 104-114.
- Norhisham Muhamad. (2018). Pengaruh Ansyitah (Aktiviti) Terhadap Pembentukan Akhlak Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Agama. Johor: Universiti Teknologi Malaysia Press.
- Norsaadah Din@Mohamad Nasirudin, Yusni Mohamad Yusak dan Muhamad Fadzil Abd Manap. (2015). *Usrah Wadah Pendidikan: Pengaplikasiannya Melahirkan Insan Terpelajar dan Terdidik*. Selangor: Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Nurul Badriyah Ali, Ummi Farhah Usman Agung dan Siti Hawa Ahmad. (2016). Demografi Remaja Wanita Bermasalah: Kajian Analisis Terhadap Penghuni Dua Pusat Bimbingan, Raudhatus Sakinah Dan Dar As-Sa'adah. *Jurnal Sultan Alauddin Sulaiman Shah*, 3(1), 1-17.
- Othman Md Johan dan Norazmah Mohamad Roslan. (2011). Faktor-faktor Yang mempengaruhi Remaja Terlibat Dalam Masalah Sosial Di Sekolah Tunas Bakti, Sungai Lereh, Melaka. *Journal of Education Psychology & Counseling*, 1(7), 115-140.
- Roslee Ahmad, Mohamed Sharif Mustaffa dan Sulaiman Shakib Mohd Noor. (2008, Mac). *Pendekatan Kaunseling Islam Untuk Menangani Masalah Tingkah Laku Seksual Pelajar. Suatu Konsep Pemikiran*. Kertas kerja International Seminar on Islamic Science And Technology. Putra World Trade Centre (PWTC), Kuala Lumpur.
- Schutt-Aine, J & Maddaleno, M. (2003). *Sexual Health And Development Of Adolescents and Youth in The Americas: Program and Policy Implications*. United States: Pan American Health Organization, Washington.
- Syaidatun Nazirah Abu Zahrin, Hanisah Osman dan Fazilah Idris. (2016). Konsep Cinta Muslim, Personaliti Dan Akhlak Percintaan Dalam Kalangan Belia Muslim. *MALIM- Southeast Asian Journal and General Studies*, 17(1), 29-54.
- Wan Ramizah Hasan dan Azizah Mat Rashid. (2016). Maksiat Zina Menurut Perspektif Al-Quran Dan Hadis: Tinjauan Terhadap Faktor dan Kedudukannya dalam Perundangan Syariah di Malaysia. Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor.
- Zainal Madon dan Mohd Sharani Ahmad. (2004). *Panduan Mengurus Remaja Moden*. PTS Publications and Distributors Sdn. Bhd, Batu Caves.

- Zakaria Stapa, Ahmad Munawar Ismail dan Noranizah Yusof. (2012). Faktor Persekitaran Sosial dan Hubungannya dengan Pembentukan Jati Diri. *Jurnal Hadhari Special Edition*, 155-172.
- Zulaiha Ali Othman, Roslan Ahmad, Umi Nadzirah Ali Othman dan Zurina Muda. (2016). Remaja Bercinta: Kajian Terhadap Tiga Jenis Sekolah Menengah Kebangsaan, Agama Dan Agama Swasta. *Jurnal Hadhari*, 8(1), 187-210.